



JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN ISTANA, BUKIT BERUANG
PETI SURAT No. 62
75450 MELAKA

Pencarian: 06-2323771
Tombolan/Pengarah: 06-2323751
Pejabat Am: 06-2323777
06-2323778
06-2323779
Sektor Pengurusan Maklumat: 06-2325691
Fax: 06-2310603

“I MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj.Kami : JPM.ICTM.100-9/7 Jld.3 (14)
Tarikh : 27 Disember 2011

Kepada
Pengetua dan Guru Besar
Sekolah Negeri Melaka

Tuan,

**SURAT SIARAN KEBENARAN KEPADA PIHAK SEKOLAH UNTUK MEMILIH
DAN MEMASANG PERKHIDMATAN INTERNET DI SEKOLAH MASING-
MASING – PELANJUTAN TEMPOH INTERIM UNTUK TAHUN 2012**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memutuskan bahawa semua sekolah di bawah pengurusan KPM adalah dibenarkan untuk meneruskan perkhidmatan internet dengan pembekal perkhidmatan sedia ada atau memilih mana-mana Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) lain bagi mendapatkan sambungan perkhidmatan internet di sekolah-sekolah sepanjang tahun 2012 sehingga projek Perkhidmatan IBestariNet dilaksanakan di sekolah masing-masing.

3. Bersama-sama ini disertakan sesalinan surat No. Ruj: KP(BPPA)(S)700-3/0204/0304/15 Jld.7 (8) bertarih 21 Disember 2011 dan Garis Panduan Talian Internet di Sekolah Yang Menggunakan Peruntukan Kerajaan untuk rujukan dan tindakan pihak tuan selanjutnya


Sekian, terima kasih.

“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang berkuat kuasa,

(DATUK HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN OSMAN)
Pengarah Pelajaran Melaka

s.k. Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
Pejabat Pelajaran Daerah Alor Gajah
Pejabat Pelajaran Daerah Jasin
Pejabat Pelajaran Daerah Melaka Tengah
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Melaka



Ketua Setiausaha
(Secretary General)

Kementerian Pelajaran Malaysia
(Ministry of Education Malaysia)
Aras 8, Blok E8
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88846069
Fax : 03-88885124
Website : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami : KP(BPPA)(S)700-3/0204/0304/15 Jld.7(8)
Tarikh : 21 Disember 2011

Semua Pengarah Pelajaran Negeri
Kementerian Pelajaran Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEBENARAN KEPADA PIHAK SEKOLAH UNTUK MEMILIH
DAN MEMASANG PERKHIDMATAN INTERNET DI SEKOLAH MASING-MASING
- PELANJUTAN TEMPOH INTERIM UNTUK TAHUN 2012**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat makluman Kementerian Pelajaran rujukan KP(KSU) 001/10 bertarikh 29 Disember 2010 dan pelaksanaan Projek Perkhidmatan 1BestariNet untuk tahun 2012 juga adalah berkaitan

2. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memutuskan bahawa semua sekolah di bawah pengurusan KPM adalah dibenarkan untuk meneruskan perkhidmatan internet dengan pembekal perkhidmatan sedia ada atau memilih mana-mana Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) lain bagi mendapatkan sambungan perkhidmatan internet di sekolah-sekolah sepanjang tahun 2012 sehingga projek Perkhidmatan 1BestariNet dilaksanakan di sekolah masing-masing.
3. Kebenaran bagi mendapatkan perkhidmatan tersebut adalah untuk tempoh *interim* sahaja iaitu sehingga pihak pembekal bagi projek perkhidmatan 1BestariNet telah bersedia untuk membuat pemasangan perkhidmatan internet di sekolah-sekolah mengikut jadual yang akan dimaklumkan oleh KPM kepada pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan kelak. Pemasangan perkhidmatan internet di bawah projek perkhidmatan 1BestariNet akan dilaksanakan secara berperingkat iaitu mulai Disember 2011 hingga Disember 2012.
4. Pihak sekolah masih tertakluk kepada peraturan-peraturan kewangan sedia ada bagi tujuan perolehan ini. Pemasangan dan kelajuan jalur lebar yang diperlukan adalah bergantung kepada kemudahan infrastruktur sedia ada di sekolah berkenaan. Jumlah maksimum kadar bayaran sebulan, kelajuan jalur lebar untuk dilanggan dan pemilihan ISP adalah seperti dalam garis panduan

di Lampiran A. Sehubungan itu pihak Y Bhg. Dato/Tuan/Puan dikehendaki memaklumkan kepada semua sekolah di bawah pentadbiran masing masing berhubung perkara ini dan memartikan semua peraturan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi sepenuhnya

5 Kerjasama Y Bhg. Dato/Tuan/Puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih

Sekian dimaklumkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Salam hormat,



DATO DR. ROSLI BIN MOHAMED
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

Garis Panduan Pemasangan Talian Internet Di Sekolah Yang Menggunakan Peruntukan Kerajaan

1. Pemilihan, Pendaftaran dan Pemasangan

- a. Sekolah bertanggungjawab sendiri dalam memilih Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) untuk mendapatkan perkhidmatan internet bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran serta Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah.
- b. Urusan permohonan dan pendaftaran dengan pihak Penyedia Perkhidmatan Internet dibuat oleh pihak sekolah dengan ISP yang dipilih berdasarkan kepada pertimbangan pihak sekolah sendiri.
- c. Pemilihan ISP adalah berdasarkan kepada perkhidmatan dan pakej terbaik kepada pengguna.
- d. Jangka masa pendaftaran dan pemasangan adalah mengikut tarikh yang difikirkan sesuai dan sekolah bertanggungjawab dalam memastikan pemasangan dibuat dengan betul dan mengikut terma yang telah dipersetujui antara sekolah dan pihak ISP.
- e. Pemasangan boleh dibuat sama ada di pejabat atau di makmal komputer sekolah atau di mana-mana yang difikirkan sesuai oleh sekolah untuk disambung dengan sambungan persekitaran Rangkaian Dalaman Setempat (LAN) Sekolah.
- f. Pemilihan lokasi pemasangan adalah mengikut kesesuaian pihak sekolah dengan berasaskan kepada tujuan untuk Pengajaran dan Pembelajaran serta Pentadbiran dan Pengurusan sekolah.

2. Status Perkhidmatan Sedia Ada Di Sekolah

- a. Jika pihak sekolah masih mahu mengekalkan pekhidmatan sedia ada dengan Pembekal Perkhidmatan Internet sedia ada seperti JARING, Telekom

Malaysia, MAXIS, CELCOM dan sebagainya maka urusan pemasangan dan pembaharuan adalah dibuat oleh pihak sekolah sendiri

- b. Sekolah-sekolah yang sudah memiliki atau sudah melanggan perkhidmatan internet, tetapi bercadang untuk menukar kepada penyedia perkhidmatan lain adalah dibenarkan selagi tidak melanggar perjanjian atau kontrak atau tidak melebihi peruntukan yang diberi.

3. Had Pemilihan Kelajuan Lebar Jalur (*Bandwidth*)

- a. Sekolah-sekolah boleh melanggan perkhidmatan jalur lebar minimum 1Mbps bergantung kepada keperluan pihak sekolah. Walau bagaimanapun, had maksimum pembayaran bil internet adalah sebanyak RM600.00 sebulan. Pihak sekolah tidak boleh menggunakan lebih peruntukan untuk tujuan lain. Bagi sekolah-sekolah yang bukan berstatus PTJ, pihak Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah akan membayar berdasarkan kepada bil internet berkenaan.
- b. Sekolah-sekolah boleh melanggan kelajuan jalur lebar atau kemudahan internet sehingga berkelajuan 8Mbps bergantung kepada infrastruktur jalur lebar yang disediakan di kawasan masing-masing atau kelajuan maksimum yang ditawarkan oleh pihak ISP berdasarkan kepada had maksimum RM600.00 sebulan.
- c. Bagi sekolah-sekolah yang terletak di kawasan yang mempunyai kemudahan infrastruktur *Fibre to the School* (FTTS) atau apa-apa teknologi seumpamanya seperti di zon Pulau Pinang, Lembah Kelang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, keupayaan jalur lebar dibenarkan sehingga 10Mbps tetapi tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi.
- d. Sekolah-sekolah adalah dinasihatkan agar memastikan perkhidmatan jalur lebar yang diterima selaras dengan kos yang dibayar iaitu jika saiz jalur lebar berkelajuan 2Mbps maka perkhidmatan yang diterima adalah juga 2Mbps.

4. Aspek keselamatan

- a. Sekolah bertanggungjawab menyediakan garis panduan kepada pengguna di sekolah
- b. Aspek keselamatan adalah dibawah tanggungjawab sekolah meliputi aspek berikut:
 - i. Keselamatan perkakasan;
 - ii. Keselamatan data dan maklumat;
 - iii. Tatacara penggunaan dan akses ke internet;
 - iv. Virus, pencerobohan dan ancaman keselamatan siber;
 - v. Etika dan tatacara penggunaan internet;
 - vi. Penyambungan ke rangkaian dalaman atau ke komputer lain;
 - vii. Keselamatan internet secara pakej hendaklah diutamakan;
 - viii. Kata kunci keselamatan adalah di bawah tanggungjawab pihak sekolah; dan
 - ix. Mana-mana aspek yang menimbulkan keraguan, pihak sekolah boleh melihat dan mendapatkan maklumat lebih terperinci dalam garis panduan yang boleh dimuat turun melalui laman http://www.moe.gov.my/upload/galeri_awam/guideline/
- c. Pihak sekolah hendaklah memastikan agar sekolah tidak terikat dengan apa-apa kontrak yang boleh memberi kesan negatif atau implikasi perundangan sehingga menjejaskan nama baik kerajaan.

5. Peruntukan dan lain-lain

- a. Pembayaran hendaklah menggunakan peruntukan pecahan objek pembayaran utiliti sekolah;

- b. Peruntukan yang diagihkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri adalah untuk tempoh maksimum satu (1) tahun bermula Januari 2012 atau tempoh yang akan dimaklumkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia,
- c. KPM melalui JPN akan menurunkan peruntukan tambahan ke semua sekolah bagi tujuan perkhidmatan internet; dan
- d. Peruntukan bagi perkhidmatan internet yang diagihkan adalah bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan sambungan ke internet sahaja manakala kos kos lain yang terlibat khususnya pembelian perkakasan atau peralatan adalah tidak termasuk dalam pakej ini.

Cadangan Agihan Peruntukan berdasarkan kepada kadar semasa individu bagi kawasan yang mempunyai infrastruktur/VSAT Broadband 4Mbps hingga 8Mbps manakala bagi berteknologi fiber atau setaraf maksimum 10Mbps

- 1. Zon 1 – Semua Sekolah Menengah RM600.00
- 2. Zon 2 – Semua Sekolah yang berada dalam kawasan FTTS atau teknologi yang sama RM600.00
- 3. Zon 3 – Sekolah Rendah berstatus Bandar dan Luar Bandar RM500.00
- 4. Zon 3 – Sekolah Pedalaman RM300.00
- 5. Sekolah yang sedia ada menggunakan FTTS dibawah GITN dibayar mengikut kadar sebenar.